



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 15 OGOS 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	FOKUS SEKURITI MAKANAN DALAM BAJET 2024, MUKA HADAPAN, UM MENJAMIN SEKURITI MAKANAN NEGARA, LOKAL, UM-16 FOKUS SEKURITI MAKANAN DALAM BAJET 2024, DLM NEGERI, UM-3 BAJAK SAWAH, LOKAL, HM-17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6.	DURIAN PREMIUM DAMAK MAMPU SAINGI MUSANG KING, DLM NEGERI, UM-34 LULUSAN KEJURUTERAAN USAHA TANAMAN CILI, NASIONAL, BH-19	JABATAN PERTANIAN (DOA)
7.	DOG LICENCE MANDATORY FOR PET SHOP OWNERS, NEWS, STAR METRO-4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9.	PENGUSAHA IKAN SANGKAR DI CHENOR TERJEJAS, IKAN MATI, DLM NEGERI, UM-32 PELEPASAN SEMULA BENIH KETAM, UDANG TINGKAT HASIL NELAYAN, INOVASI, UM-26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12. 13.	WAJAR TUBUH LEMBAGA KELAPA MALAYSIA, NEGARA, KOSMO-14 MARDI LANCAR EMPAT VARIETI KELAPA HIBRID, NASIONAL, BH-22 MARDI HASILKAN 4 KELAPA HIBRID, PERAK, SH-24 MARDI INTRODUCES FOUR TYPES OF HIGH-YIELD HYBRID COCONUTS, NATION, THE STAR-6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14. 15. 16. 17.	PROMOSI LOKASI PELANCONGAN TANI DI PERLIS DIPERGIAT, DLM NEGERI, UM-33 HARGA AYAM SEGAR NAIK SEHINGGA RM1.50, NASIONAL, SH-12 PENIAGA DAKWA DAPAT AYAM SAIZ KECIL, NASIONAL, SH-12 HARGA MENINGKAT EMPAT HARI SEBELUM MENGUNDI, NASIONAL, SH-12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

15/8/2023

UTUSAN
MALAYSIAMUKA
HADAPAN

Fokus sekuriti makanan dalam Bajet 2024

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mengutamakan sekuriti makanan dalam pembentangan Belanjawan 2024, Oktober ini bagi memastikan tidak timbul lagi isu kenaikan kos sara hidup.

Langkah ini juga bagi menjamin bekalan makanan yang stabil dan berterusan untuk kegunaan tempatan selain me-

Pastikan tidak timbul lagi isu kenaikan kos sara hidup

ngurangkan import makanan ke Malaysia yang mencecah RM75.5 bilion tahun lalu.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, isu kenaikan kos sara hidup yang dihadapi oleh masyarakat menjadi seperti 'gajah di dalam bilik' tidak boleh dinafikan lagi.

Kata beliau, kenaikan kos sara hidup berkemungkinan berpunca daripada kewujudan tangan-tangan hitam mensabotaj dan pihak yang tidak men-

jalankan tugas dengan baik untuk memantau keadaan semasa.

"Kita boleh cuba mengelakkan kenaikan ini terus berlaku iaitu antaranya dalam Belanjawan 2024 kerajaan perlu mengutamakan golongan-golongan sekuriti makanan iaitu nelayan, petani dan penternak. Mereka mesti diberi sumbangan dan subsidi lebih besar.

Bersambung di muka 3



Tokoh negara

PEJALAN kaki melintasi mural wajah tokoh-tokoh negara dan Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-66 di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON



Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Bukan hanya rakyat, pemegang taruh terutama golongan petani dan penternak juga akan menerima tempas positif daripada inisiatif menambah baik Tahap Sara Diri (SSL) serta meningkatkan sekuriti makanan negara.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Muidh Fuad Yaacob berkata, inisiatif ini sebagai persediaan awal kerajaan menjamin bekalan makanan, sekali gus menyuntik semangat dan menambah pendapatan pengusaha pertanian seperti-pertanian yang terlibat dalam penanaman padi sejak 30 tahun lalu.

Menurutnya, penambahan keluasan tanaman dengan mengoptimalkan penggunaan tanah sedia ada boleh menjadi galakan kepada petani terutama mereka yang tidak mempunyai tanah yang besar dan luas.

"Justeru, saya menyarankan kementerian terbabit melihat tanah terbiar seperti di Sabah dan Sarawak supaya diusahakan untuk penanaman seperti padi."

"Kerajaan mungkin boleh tengok balik program Buku Hijau yang memperkenalkan ternakan ayam kampung, kambing dan lain-lain sebagai tambahan pendapatan petani selain penanaman padi, sekali gus menjamin sekuriti makanan negara."

"Jadi, dengan adanya usaha menambah baik tahap SSL dan meningkatkan keterjaminan makanan negara, pendapatan penternak mahupun petani juga dapat ditingkatkan," katanya.

Muidh Fuad berkata, penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga perlu dilaksanakan bagi menghasilkan benih padi yang boleh ditanam dalam tempoh singkat berbanding pada masa ini supaya hasrat mengeluarkan padi lima musim dalam tempoh dua tahun dapat dicapai.

"Masalah perlu diberi perhatian ialah tanah kita ada musim kering dan basah, jadi ia perlu suatu tempoh untuk 'rehat'. Jika penanaman benih baru terus dilakukan, kita bimbang tanah jenuh menyebabkan padi tidak boleh ditanam apabila tiba masanya."



INISIAFIF menambah baik SSL menyuntik semangat dan menambah pendapatan pengusaha pertanian.

INISIAFIF MENAMBAH BAIK TAHAP SARA DIRI

Menjamin sekuriti makanan negara

"Selain menambah baik sistem pengairan, kita cadangkan supaya R&D benih padi baharu untuk masa tuaian singkat antara 75 hari ke 85 hari dibuat berbanding sekarang 110 hari ke 120 hari bagi memastikan dapat capai pengeluaran padi lima musim dalam tempoh dua tahun."

"Selain itu, kerajaan juga

perlu berbincang dengan pemegang taruh dari lapisan bawah macam kami supaya lebih memahami dan mendapat semua input menyeluruh supaya dasar atau program yang dilaksanakan mencapai objektifnya," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan

(Nafas), Datuk Zamri Yaacob berkata, pihaknya menyambut baik dan menyokong hasrat kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan negara.

"Nafas melihat inisiatif ini akan memberi manfaat kepada sejuta warga peladang seluruh negara kerana bertepatan dengan keadaan ekonomi semasa."

"Pada masa sama, kita akan sentiasa memastikan 14 Pertubuhan Peladang Negeri dan 280 Pertubuhan Peladang Kawasan juga seiring dalam usaha meningkatkan daya tahan sektor agromakanan melalui teknologi baharu pertanian bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman," katanya.

Bagi menuju ke arah itu,

"Nafas melihat inisiatif ini akan memberi manfaat kepada sejuta warga peladang seluruh negara kerana bertepatan dengan keadaan ekonomi semasa"



MUIDH FUAD



ZAMRI

katanya, Nafas juga komited memastikan petani mendapat baja terbaik bagi menjamin hasil tanaman terutama pengeluaran padi.

"Kilang baja milik Nafas, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB) berfungsi sebagai kilang pengeluar baja sebatian untuk petani seluruh negara melalui skim baja subsidi."

"Nafas juga adalah pembekal bagi keperluan baja negara melalui Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Baja NPK Tambahan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SPRBP) kepada pesawah seluruh negara sejak 1979."

"Jadi, Nafas bersedia memberi komitmen dan kerjasama penuh kepada petani, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bagi menjayakan usaha meningkatkan hasil penanaman padi, sekali gus menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dalam bidang pertanian," katanya.

Bellau berkata, pihaknya juga melaksanakan Program Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) dengan memperkenalkan baja sebatian formulasi baharu sebagai penggalak tambahan (booster) yang berjaya memberi peningkatan hasil tanaman optimum, sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah."

"Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama beberapa pemain industri adalah inisiatif bagi menyokong hasrat kerajaan dalam merangka Modul Tanaman Padi yang mampu meningkatkan SSL padi dan beras negara daripada 70 kepada 75 peratus."

"Selain itu, Nafas juga mengerjakan solusi baharu, Kempen Zero Late Delivery sebagai langkah proaktif dalam menangani isu pembekalan baja sebagai garis panduan dalam memastikan pengedaran baja tidak lewat," katanya.

Di bawah inisiatif Ekonomi MADANI, kerajaan berhasrat menambah baik SSL dan meningkatkan tahap sekuriti makanan antaranya dengan menambah keluasan tanaman serta mengoptimalkan penggunaan tanah sedia ada.

Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan RM3 bilion bagi menambah baik prasarana pengairan kawasan Mada di Kedah dan Perlis dalam usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran padi kepada lima musim dalam tempoh dua tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Fokus sekuriti makanan dalam Bajet 2024

Dari muka 1

“Namun, perlu ada pihak yang bertanggungjawab untuk memantau kerana kita tak mahu seperti dahulu di mana kita bagi mereka tetapi tidak tahu sama ada ia dipakai atau dijual kepada pihak ketiga,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini rakyat terpaksa berdepan kenaikan harga barangan makanan asas iaitu antaranya ayam, ikan dan juga sayur. Ini didakwa terjadi disebabkan bekalan makanan yang kurang sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan permintaan.

Ia mendorong pihak-pihak tidak bertanggungjawab menaikkan harga barang-barang makanan menyebabkan ma-

syarakat berdepan kenaikan kos hidup.

Sehubungan itu, pemerkasan kos sara hidup dijangka dapat membantu dalam mengimbangi harga barangan tersebut selain menjamin bekalan makanan berpanjangan.

Penganalisis ekonomi, Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob pula berkata, sekuriti makanan antara perkara penting yang perlu menjadi keutamaan kerajaan memandangkan populasi negara semakin meningkat dari tahun ke tahun.

“Malah, apabila kita mantapkan sekuriti makanan, dapat menghasilkan banyak bekalan jadi ia boleh membantu dalam mengurangkan harga,” katanya.

Tambahnya, kerajaan boleh

membuka kawasan baharu untuk meningkatkan aktiviti pertanian dan peternakan, selain itu melakukan inovasi baharu bagi mendorong produktiviti serta mencari alternatif untuk melakukan aktiviti-aktiviti berkaitan sekuriti makanan.

“Kerajaan kena menggalakan masyarakat kita untuk bercucuk tanam atau membuat pertanian sekurang-kurangnya untuk keluarga mereka sendiri. Antara yang mudah dilakukan seperti cili, kangkong dan seumpamanya. Ini membantu meningkatkan bekalan.

“Selain itu, melibatkan golongan belia untuk menceburi sektor pertanian ini, beri galakan daripada segi modal untuk mereka memulakan, turut boleh diberikan kursus untuk memastikan mereka tahu

teknik-teknik yang betul,” jelasnya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perundingan Pertanian Negara, Prof. Datin Paduka Fatimah Mohamed Arshad berkata, pemerkasaan sekuriti makanan bukan sahaja bertujuan menyediakan makanan untuk rakyat tetapi juga tahap kesihatan.

“Kita berhadapan masalah anak-anak kita bantut dan kebanyakan masalah tersebut berlaku dalam kalangan miskin dan pendapatan sederhana, selain itu negara kita juga merupakan di tangga satu dalam Asia untuk masalah obesiti.

“Jadi sekuriti makanan ini amat penting bukan sekadar penyediaan bekalan makanan tetapi juga mengenai kesihatan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	HARIAN METRO	LOKAL	17

Bajak sawah

PETANI Mohd Mustaim Yanto, 31, membajak kawasan sawah padi bagi memulih keadaan tanah sebagai persiapan sebelum benih padi ditabur ketika tinjauan di Kampung Sungai Rengas, Kuala Terengganu, semalam. Kenaikan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per tan kepada RM500 per tan yang diumumkan kerajaan baru ini, memberikan nafas lega kepada pesawah kerana ia mampu menambah pendapatan mereka.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Durian premium Damak mampu saingi *musang king*

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my

JERANTUT: Raja buah baka Durian Premium Kampung (DPK) kawasan Damak di sini yang merupakan pesaing musang king mula gugur dan bakal mendominasi pasaran di daerah ini serta luar mampu memberikan pendapatan lumayan kepada pekebun dan penjualnya.

Durian hasil klon DPK, iaitu udang merah, *black thorn*, damak king, naga merah, mas hijau kulit buaya, naga emas, tangkai panjang, D2 dan Aji Aziz, IOI, termasuk durian kampung baka asal mula gugur secara berperingkat bermula awal bulan ini sehingga Oktober ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga durian kampung, Zulkifli Mahmud, 53, berkata, setiap hari dia dan rakannya mula menjual DPK seberat antara 500 hingga 800 kilogram pada peringkat permulaan buah mulai gugur dan dijangka semakin rancak mulai penghujung bulan ini mampu mencapai 3,000 kilogram setiap hari mulai penghujung bulan ini.



ZULKIFLI Mahmud menyusun buah Durian Premium Kampung di gerai berdekatan Jalan Jerantut-Benta, Kampung Damak di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

"Buat permulaan, kita memborong durian kampung dan baka DPK daripada pekebun sekitar Kampung Damak untuk dijual di gerai berdekatan jalan raya Jerantut-Benta di sini dan selebihnya dihantar ke bandar Jerantut," katanya di Kampung Damak di sini.

Menurut Zulkifli, durian DPK dijual antara RM25 hingga RM50 sekilogram, manakala durian kampung asal antara RM8 hingga RM15 nyata mendapat permintaan tinggi daripada penggemar sekitar kawasan itu dan bandar Jerantut.

Dia menyasarkan untuk me-

masarkan kira-kira 10,000 biji durian seberat 2.5 tan metrik sehari mulai bulan September dengan nilai kira-kira RM16,000.

Rakannya, Ramli Mustapha, 50, berkata, keadaan cuaca panas sejak bulan lalu menyebabkan buah durian rancak gugur bermula bulan ini.

"Sejak awal bulan ini, saya dan rakan memasarkan buah DPK jenis udang merah, *black thorn*, D2, damak king manakala naga merah, mas hijau kulit buaya, naga emas, tangkai panjang dan Aji Aziz dijangka gugur awal bulan September ini," katanya.

Sementara itu, peniaga durian, Ahmad Mustapha, 45, berkata, buah DPK keluaran pekebun Kampung Damak antara tarikan penggemar di daerah ini dan luar. Malah, ada yang membuat tempahan lebih awal sebelum buah berkenaan gugur.

"Tarikan DPK kerana tekstur ulasnya sederhana besar, warna kekuningan dan keperangan, aroma isinya wangi dan boleh dikatakan setanding dengan musang king dan buah komersial lain," katanya.

Lulusan kejuruteraan usaha tanaman cili

Kebun seluas
0.1 hektar mampu
hasilkan dua tan
cili semusim

Oleh **Muhammad Zulysyamin**
Sufian Sufi
bhnews@bh.com.my

Kuala Kangsar: "Jika bukan sebab dapat pinjaman modal daripada usahawan Perak Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), saya mungkin sudah kecundang dalam bidang pertanian ini," kata Mohd Thibroni Osman Sah.

Mohd Thibroni, 37, adalah graduan sarjana muda dalam bidang kejuruteraan dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tetapi memilih menceburi bidang pertanian secara serius.

Beliau mengusahakan tanaman cili menggunakan kaedah fertigasi di kebun seluas 0.1 hektar di atas tanah milik keluarga di Kampung Rambai Tujuh, di sini. Usahanya membuahkan hasil, namun di pertengahan jalan beliau diuji apabila negara berdepan pandemik COVID-19 pada 2020. Akibat pandemik keadaan eko-

nomi tidak memberangsangkan dan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika itu menyebabkan komoditi cili yang dihasilkan sukar terjual.

"Ketika itu hasil kebun saya baru mula keluar namun tiada tempat untuk menjualnya dan semua pasar termasuk pasar borong semuanya tutup susulan PKP.

"Mujur, agensi kerajaan negeri terutama SADC dan Jabatan Pertanian banyak membantu saya untuk terus bertahan. Malah, pinjaman usahawan bernilai RM50,000 yang saya peroleh melalui Perak SADC, menyelamatkan perusahaan tani milik saya pada awal negara berdepan pandemik COVID-19," katanya.

Pada masa sama, Mohd Thibroni juga menerima Geran Pembangunan Luar Bandar RM5,000 selain geran melalui Program Agropreneur Muda, Jabatan Pertanian dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAF) sebanyak RM20,000.

Ia sekali gus membantunya me-

mantapkan lagi pengeluaran hasil kebun melalui pembelian pelbagai peralatan dan barangan input yang membolehkannya berjimat dari segi pengeluaran modal pusingan.

Beliau berkata, turut membantunya adalah Lembaga Pemastan Pertanian Persekutuan (FAMA) yang berperanan sebagai perantara untuk kerajaan membayar hasil pertanian dibeli, ketika situasi kejatuhan harga di bawah harga lantai. Bantuan itu adalah bagi petani yang menyertai Rakam Pemastan Kontak Pemastan (RPKP) FAMA.

Hasil perub cecah tiga tan

Bercerita mengenai penanaman cili, Mohd Thibroni berkata beliau mampu menghasilkan pengeluaran cili dengan purata dianggarkan dua tan semusim bagi jangka tempoh antara enam hingga lapan bulan.

Menurutnya, pengeluaran cili di kebunnya yang membabitkan sebanyak 1,300 polibeg atau kira-kira 2,400 pokok cili, pernah mencecah sehingga tiga tan.

Bagaimanapun, ia turut bergantung kepada faktor seperti keadaan cuaca yang baik, selain penjagaan pokok yang mencukupi terdapat dalam hal seperti penggunaan baja, racun dan sebagainya yang mengiktiraf masa ditetapkan.



Mohd Thibroni menunjukkan cili yang ditanam menggunakan kaedah fertigasi.

"Mengetahui nilai harga jualan keseluruhan semusim, secara dasarnya saya tidak boleh menyatakannya, Mohd Thibroni menitikberatkan jumlah secara terperinci memandangkan ia bergantung kepada keadaan di pasaran yang jualan harga borong tidak menentu walau dalam sesuatu musim tanaman," katanya.

Katanya, selain menjadi usahawan tani di bawah program Ladang Kontrak MAFI kendalian FAMA, beliau turut bergiat aktif dalam Koperasi Gabungan Usahawan Tani Kuala Kangsar Berhad yang juga banyak membantu dari segi bimbingan dan pemasaran. Menyedari potensi penanaman sayuran seperti cili menggunakan

kan kaedah fertigasi mampu membuahkan pendapatan lumayan, Mohd Thibroni menitikberatkan harapan besar supaya bidang pertanian diterokai, khususnya oleh orang muda atau belia.

Katanya, ia seiring titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang sering menekankan mengenai kepentingan ketinjauan atau sekuriti makanan.

"Pada masa sama, ia juga selari dengan *flagship* di bawah agenda Perak Sejahtera 2030, keputusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad iaitu mengenai Lembah Bakul Makanan Malaysia yang berkis mengenai Sekuriti Makanan," katanya.

Dog licence mandatory for pet shop owners

By **ANDY CHUA**

andychua@thestar.com.my

THE Sibü Municipal Council (SMC) has made it mandatory for pet shop owners to apply for a licence if they have dogs in their premises.

"All pet shops keeping dogs in their business premises have to apply for a licence under the Local Authorities (Licensing and Control of Dogs) By-law.

"Failure to do so is an offence which carries a fine of not more than RM10,000," said SMC chief public environmental health officer Ting Tin Teck at a press conference.

Ting added that the pet shop premises must be on a commercial lot with an occupancy permit (OP).

Prohibited dog breeds are not allowed while restricted breeds require written approval from the Sarawak Veterinary Services Department.

"In addition, the maximum number of dogs allowed on the



Ling (seated centre) with Ting on his left speaking on matters related to dogs in Sibü.

premises is 20, and inventory and records of dog movements must be kept and updated," Ting said.

"Pet shop owners must ensure that their premises are clean, and cause no disturbance to adjacent property owners, other businesses operating there or

residents living in the area."

Separately, he said dog owners were required to submit proof of anti-rabies vaccination for their pets under rabies prevention guidelines before a dog licence could be issued.

"All dog owners are reminded to apply for a dog licence and

ensure their dogs are within private areas and kept clean and healthy at all times in accordance with current laws," he said.

Ting added that application forms could be obtained from the urban transformation centre (UTC) or at the SMC Office, 20th Floor, Wisma Sanyan, or from its website at www.smc.gov.my.

On a separate issue, an average of 14 cases of dog bites per week were reported for the first seven months of this year in Sibü.

"From January to July, a total of 395 dog bite cases were reported in the Sibü Municipal Council area," said SMC Public Environment Health and City Services Standing Committee chairman Richard Ling.

"The Dog Catching Unit will patrol according to a planned schedule based on public feedback and any dog found roaming, whether licensed or not, will be caught and not returned to its owner," he warned.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Pengusaha ikan sangkar di Chenor terjejas, ikan mati

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

MARAN: Kesan fenomena El Nino yang melanda negara sejak tiga bulan lalu menyebabkan Sungai Pahang di beberapa kampung tradisional di Chenor di sini berubah menjadi kering.

Ketua Kampung Pesagi, Abd. Rahim Yaakob, 70, berkata, Sungai Pahang dari Kampung Sangding ke Kampung Chedung dan Kampung Pesagi sejauh hampir empat kilometer berubah wajah menjadi daratan berpasir.

Menurutnya, paling terkesan dengan fenomena luar biasa itu lebih 20 pengusaha ikan sangkar apabila banyak ikan mati dan tidak sempat matang untuk dipasarkan.

Lebih 200 sangkar milik pengusaha kebanyakannya sudah diangkat ke daratan kerana ikan tidak mampu hidup kerana peningkatan suhu air yang mempengaruhi pembesaran.

“Saya berani menyatakan bahawa kemarau tahun ini lebih teruk berbanding 2016 kerana sebahagian besar sungai beru-



SUNGAI Pahang berubah menjadi padang pasir ibarat gurun di Kampung Pesagi di Chenor, Maran.
- UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

bah menjadi padang pasir sehingga penduduk boleh bermain bola di atas pasir tersebut,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, banyak kes kematian lemas di pasir jerlus bukan sahaja berlaku di sekitar Kampung Pesagi tetapi juga di kawasan ber-

pasir di daerah Temerloh dan Bera. Bilal Masjid Kampung Pesagi, Johari Abdul Rahman, 60, berkata, kemarau kali ini disifatkan sebagai paling teruk kerana pasir timbul di permukaan membolehkan penduduk berjalan terus ke Pulau Pesagi dan Pulau Tanjung

Berangan,” katanya. Seorang pengusaha ikan sangkar di Kampung Tanjung Berangan, Chenor, Mohd. Fadzi Abdul Malik, 43, terpaksa menjual ikan patin dan tilapia lebih 1,000 kilogram minggu lalu bagi mengelak kerugian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	INOVASI	26



PROGRAM pelepasan semula benih ketam bakau dan dua juta udang galah ke sungai utama di Terengganu bertujuan meningkatkan sumber populasi semula jadi.

Pelepasan semula benih ketam, udang tingkat hasil nelayan

KELESTARIAN sumber akuatik merupakan kunci utama dalam memastikan sumber bekalan semula jadi dikekalkan agar sumber induk spesies bernilai komersial dapat dikekalkan untuk penghasilan benih yang berkualiti.

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr. Mazlan Abd. Ghaffar berkata, di bawah program penyelidikan Kelestarian Sumber, program pelepasan semula benih ketam bakau dan 2 juta udang galah telah berjaya dilepaskan di sungai utama di Terengganu bertujuan meningkatkan sumber populasi semula jadi udang galah di kawasan tersebut.

"Maklumbalas positif dari pihak komuniti nelayan di kawasan tersebut menyatakan hasil tangkapan udang telah meningkat setelah setahun program pelepasan dijalankan. Kajian yang dijalankan HICoE AKUATROP menunjukkan bahawa kadar pelepasan semula benih udang galah sebanyak 200,000 ekor.

"Malah pelepasan semula benih ketam bakau dan udang galah ke dalam sungai akan memberi pulangan ekonomi sebanyak RM450,000.00 kepada nelayan-nelayan sungai yang terlibat. Secara khususnya, hasil tangkapan



PELEPASAN semula benih ketam bakau dan udang galah akan memberi pulangan ekonomi RM450,000 kepada nelayan sungai terlibat.

udang galah nelayan meningkat dari purata 4kg (bernilai RM160.00) kepada purata 9kg (bernilai RM360.00)," ujarnya.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) iaitu Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) proaktif dalam menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan ilmu kelautan dan sumber akuatik serta keperluan makanan masa hadapan (Future Food) demi menyahut seruan kerajaan dalam keperluan Jaminan Makanan (Food Security) bagi sektor Perikanan dan Akuakultur Negara.

AKUATROP telah diberikan penarafan HICoE oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada Disember 2020 bagi memacu kecemerlangan penyelidikan IPT di dalam bidang penyelidikan nic makanan masa hadapan (Future food); Kelestarian Akuakultur Shellfish. KPT telah meluluskan dana sebanyak RM6.75 juta kepada HICoE AKUATROP untuk tujuan ini.

Entiti itu memfokuskan kepada empat program penyelidikan utama iaitu Kelestarian Sumber, Teknologi Pembiakbakaan, Kesihatan dan Jaminan Kualiti Makanan serta Teknologi Hijau yang

“Maklumbalas positif dari pihak komuniti nelayan di kawasan tersebut menyatakan hasil tangkapan udang telah meningkat setelah setahun program pelepasan dijalankan.”

mampu menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara.

Tambah Mazlan, penghasilan 300,000 benih anak ketam di Hatcheri AKUATROP juga telah berjaya dilepaskan di kawasan hutan bakau di Sungai Pulai, Johor dan Tanah Bencah Setiu, Terengganu.

Di bawah program penyelidikan Teknologi Pembiakbakaan, kajian di HICoE AKUATROP memberikan tumpuan kepada spesies krustasea yang bebas dan tahan terhadap penyakit.

Selain itu, turut mempunyai potensi besar dalam akuakultur dari segi teknologi pengurusan penternakan permintaan

pasaran yang tinggi, nilai pasaran yang tinggi dan yang paling penting mampu meningkatkan sosio ekonomi petani serta masyarakat pesisir.

MISI KETERJAMINAN MAKANAN

Bagi menjayakan misi keterjaminan makanan, institut itu juga telah memulakan inisiatif penubuhan Broodstock Multiplication Centre (BMC).

Dengan adanya benih yang berkualiti, ianya akan meningkatkan hasil pengeluaran dan sekaligus akan mengurangkan kos pengeluaran.

"Kepentingan membangunkan induk yang bebas dan mempunyai ketahanan tinggi kepada penyakit perlu menjadi agenda utama khusus bagi kelestarian industri penternakan akuakultur di Malaysia.

"Institusi ini juga menggalas tugas membantu membangunkan induk spesies akuakultur baka tempatan berkualiti tinggi dengan penghasilan baka hibrid baharu, untuk bekalan kepada industri makanan laut di Malaysia khasnya dan serantau amnya," ujarnya lagi.

• ARTIKEL ini sumbangan bahagian korporat Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	KOSMO	NEGARA	14

Galak pekebun kecil usahakan tanaman tersebut

Wajar tubuh Lembaga Kelapa Malaysia

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

BAGAN DATUK – Kerajaan wajar menubuhkan Lembaga Kelapa Malaysia sebagai usaha membantu penanam kelapa, khususnya pekebun kecil serta menggalakkan penanaman kelapa dengan lebih meluas, sekali gus mengurangkan import buah tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, penubuhan itu membolehkan pekebun kelapa memperoleh banyak faedah seperti subsidi, geran dan sebagainya berbanding sekarang.

“Bersesuaian pada masa ini kerajaan menimbang keperluan penubuhan badan khusus untuk kelapa sebagaimana tanaman lain seperti kenaf, koko, nanas, sawit dan sebagainya,” katanya.

Beliau ditemui pada sidang akhbar selepas melancarkan empat anak benih kelapa di Stesen Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagan Datuk, di sini semalam.

Pada 2019, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang ketika itu menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, mengumumkan cadangan penubuhan Lembaga Perindustrian Kelapa dan Nanas Malaysia, bagaimanapun tidak menjadi kenyataan sebaliknya hanya ditubuhkan Lembaga Nanas Malaysia.

Setakat 2020, keluasan kawasan penanaman kelapa di Malaysia adalah 84,942 hektar dengan jumlah pengeluaran 560 juta biji kelapa setahun.

Mohd. Zolkafly berharap kerajaan mempertimbangkan cadangan tersebut demi faedah dan



MOHD. ZOLKAFLY (tengah) diberi penerangan mengenai kaedah kacukan dalam penghasilan benih baharu kelapa di Stesen MARDI Bagan Datuk semalam.

kebajikan penanam kelapa serta mengurangkan pergantungan Malaysia terhadap kelapa import yang mencecah 31.8 peratus.

Ujarnya, jika tidak ditubuhkan secara khusus, mungkin boleh memasukkan kelapa dalam mana-mana lembaga lain seperti dalam Lembaga Koko Malaysia.

Jelasnya, cadangan sudah dikemukakan kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perlindungan dan Komuniti, Datuk Seri Fadillah Yusof pada Mei lalu dan beliau menyatakan akan memperhalusnya di peringkat kementerian dan Kabinet.

Ujarnya, buat masa ini kerajaan negeri termasuk menerusi Perbadanan Pembangunan Per-

tanian Negeri Perak (PPNP) memberi subsidi kepada pekebun kelapa terutama di Bagan Datuk yang mempunyai keluasan 6,670 hektar tanaman kelapa dan menghasilkan 70,000 metrik tan kelapa setahun.

Dalam pada itu, empat varieti baharu benih kelapa dihasilkan di Stesen MARDI Bagan Datuk itu yang diberi nama diberi nama mylag, marleca, careni dan careca mampu menjana pulangan tinggi iaitu kapasiti pengeluaran melebihi 25,000 biji bagi sehektar setahun.

Menurutnya, empat benih baharu itu lebih tahan penyakit, mudah dipetik kerana tidak terlalu tinggi dan boleh menghasilkan buah yang banyak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

MARDI lancar empat varieti kelapa hibrid

Bagan Datuk: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), semalam, melancarkan empat varieti kelapa hibrid baharu berhasil tinggi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan petani dan pengusaha kelapa di negara ini.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata varieti hibrid yang dinamakan Mylag, Marleca, Carena dan Careni itu mampu menjana hasil tinggi dengan kapasiti pengeluaran melebihi 25,000 biji per hektar setahun.

"Keempat-empat kelapa hibrid ini sesuai disorokkan kepada petani atau pengusaha tanaman kelapa dan mempunyai ciri-ciri yang sangat baik, rendah, mudah dipetik dan tahan terhadap penyakit yang akan meningkatkan pendapatan dan hasil kelapa dalam negara," katanya pada Majlis Pelancaran Kelapa Hibrid MARDI dan Hari Bertemu Pelanggan MARDI Perak di MARDI Perak di sini, semalam.



Zolkafly (dua dari kanan) melihat pokok kelapa pada Majlis Pelancaran Kelapa Hibrid MARDI dan Hari Bertemu Pelanggan MARDI Perak, semalam. (Foto BERNAMA)

Pelancaran itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Zolkafly Harun.

Sedia bekerjasama

Mohammad Zabawi berkata, sebelum ini, MARDI menghasilkan lapan hibrid kelapa berhasil tinggi yang sudah dibangunkan sejak 2005.

Katanya, dalam usaha memperluas pengeluaran kelapa, MARDI terbuka bekerjasama dengan ma-

na-mana agensi berminat.

Katanya, MARDI telah melaksanakan projek kolaborasi dengan Perbadanan Pertanian Negeri Perak untuk tanaman kelapa, bawang dan durian.

Sementara itu, Zolkafly berkata, jumlah keluasan ladang kelapa di seluruh Perak ialah 7,505 hektar dengan jumlah pengeluaran 82,000 tan setahun dan daripada jumlah itu, Bagan Datuk mempelopori tanaman seluas 6,670 hektar yang menghasilkan pengeluaran sebanyak 70,000 tan setahun. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	SINAR HARIAN	PERAK	24

MARDI hasilkan 4 kelapa hibrid

BAGAN DATUK - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya menghasilkan empat varieti baharu kelapa hibrid yang mampu meningkatkan hasil dan pendapatan petani.

Empat varieti baharu itu diberi nama *Mylag*, *Marleca*, *Careni* dan *Careca* yang dihasilkan di Stesen MARDI Bagan Datuk.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, varieti berkenaan mampu menjana hasil yang tinggi dengan kapasiti pengeluaran melebihi 25,000 biji bagi satu hektar setahun.

Menurutnya, sehingga kini terdapat 22 aksesori kelapa dalam koleksi jana plasma di MARDI Bagan Datuk yang digunakan untuk menghasilkan varieti kelapa berhasil dan berkualiti tinggi.

"Keempat-empat varieti ini amat sesuai

disyorkan kepada pengusaha tanaman kelapa untuk meningkatkan hasil sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

"MARDI terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi yang berminat untuk merancakkan industri kelapa negara," katanya ketika berucap sempena Majlis Pelancaran Kelapa Hibrid di MARDI Bagan Datuk pada Isnin.

Hadir menyempurnakan perasmian berkenaan, Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun.

Sementara itu, Mohd Zolkafly ketika sidang akhbar selepas majlis berkata, varieti baharu itu juga dapat meningkatkan jumlah pengeluaran sekali gus memenuhi permintaan pasaran yang selama ini bergantung pada import dari negara jiran.



Mohd Zolkafly (tiga dari kiri) melihat pokok kelapa induk yang digunakan bagi menghasilkan varieti baharu kelapa di MARDI Bagan Datuk pada Isnin.

Mardi introduces four types of high-yield hybrid coconuts

BAGAN DATUK: Four new high-yield hybrid coconut varieties have been launched by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) to increase the productivity and income of local farmers and entrepreneurs.

MARDI director-general Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani said the new varieties

called Mylag, Marleca, Carena and Careni are capable of producing more than 25,000 nuts per hectare annually.

"These hybrid coconut varieties are highly recommended for coconut farmers or plantation owners due to their excellent

qualities. They are low-maintenance, easy to harvest and resistant to diseases," he said in his

speech at the Perak Mardi Meets the Clients' Day and launch of the hybrid coconut varieties here yesterday, Bernama reported.

The programme was opened by state Rural Development, Plantation, Agriculture, and Food Industries Committee chairman Datuk Mohd Zolkafly Harun.

Meanwhile, Mohammad Zabawi said Mardi had developed

eight high-yield coconut hybrid varieties since 2005.

He said Mardi is prepared to collaborate with interested agencies to enhance the nation's coconut industry and had worked with the Perak State Agricultural Corporation in the planting of coconuts, onions and durians.

"Mardi has also collaborated with the Malaysian Kuwait

Investment Co Sdn Bhd in developing the Mardi hybrid coconut seed garden, involving a 30ha area in Tawau, Sabah," he said.

Zolkafly said Perak has 7,505ha of coconut plantations with an annual production of 82,000 metric tonnes, while 6,670ha of those coconut plantations – with an annual yield of 70,000 metric tonnes – are in Bagan Datuk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Promosi lokasi pelancongan tani di Perlis dipergiat

KANGAR: Seramai 480 peserta termasuk daripada luar negara ini yang menyertai Wang Gunung Trail Run menikmati pengalaman dan cabaran luar biasa berlari khususnya pada waktu malam di Banjaran Nakawan dan beberapa lokasi sekitar sini.

Peserta yang datang dari seluruh negara serta negara luar seperti Thailand, Singapura dan Poland itu telah mengambil bahagian dalam tiga kategori yang dipertandingkan iaitu larian sejauh 45 kilometer, 15 kilometer serta terbuka.

Penganjuran tersebut turut

menjadi antara platform mempromosikan lokasi agro pelancongan menarik di negeri ini yang berpotensi diperkenalkan kepada orang ramai terutama menjelang Tahun Melawat Perlis 2024/2025.

Pengarah program berkenaan, Ku Hasrin Ku Abdul Rahman berkata, lokasi penganjuran program di Banjaran Nakawan yang sememangnya terkenal dengan bukit batu kapur terpanjang di Malaysia itu telah menarik penyertaan memberangsangkan.

"Kita bersama agensi-agensi

kerajaan seperti Jabatan Pertanian negeri juga dalam misi bagi membangunkan sektor agro pelancongan di negeri ini.

"Perlis mempunyai banyak lokasi agro pelancongan yang berpotensi dan kita gunakan platform ini untuk mempromosikannya khususnya menjelang sambutan Tahun Melawat Perlis 2024/2025," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah Wang Gunung Trail Run di Taman Buah-Buahan Eksotik Sungai Batu Pahat di sini, semalam.



PESERTA merakamkan gambar bersama selepas Majlis Penyerahan Hadiah Wang Gunung Trail Run di Taman Buah-Buahan Eksotik Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Harga ayam segar naik sehingga RM1.50

Peniaga akui harga tidak menentu sejak beberapa bulan lalu

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Harga ayam segar di pasaran naik sehingga RM1.50 sejak seminggu lalu menjadikan bahan mentah itu berharga antara RM9.40 hingga RM10.90.

Peniaga ayam, Mohd Hafizi Mat Saad, 42, berkata, harga tersebut tidak menentu sejak beberapa bulan lalu menyebabkan peniaga berdepan masalah untuk meletakkan harga jualan kepada pembeli.

"Sebenarnya harga ayam naik turun sejak beberapa bulan lalu. Awal bulan ini, turun tetapi beberapa hari sebelum pilihan raya, harga naik balik.

"Bagaimanapun, kami tidakibenarkan memasukkan harga tersebut ke dalam harga siling sebaliknya dimasukkan ke dalam harga caj perkhidmatan.

"Harga siling yang ditetapkan kerajaan adalah RM9.40 dan ia kekal sehingga hari ini. Harga ini perlu dipaparkan pada tanda harga, tidak boleh ubah sehingga kerajaan mengeluarkan arahan.

"Bagaimanapun, sekiranya harga ayam naik, kami akan naikan pada harga caj perkhidmatan. Setakat ini,



Harga ayam segar di Georgetown naik sehingga RM1.50 sejak beberapa hari lalu.

caj perkhidmatan RM1.10, jika naik, maka caj ini pun akan naik," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Tambah Mohd Hafizi, ketika ini, harga caj perkhidmatan akan bertukar-tukar mengikut harga semasa ayam segar.

"Minggu lepas kami jual sekilo RM9.40, tiada caj perkhidmatan kerana harga ayam turun, tetapi dua tiga hari sebelum pilihan raya, naik balik macam biasa, jadi kami terpaksa jual RM10.50.

"Memang tinggi kerana kami dapat bekalan pun, modal tinggi. Pernah peniaga seperti kami dapat harga RM8 hingga RM9 sekilogram, sebab itu kami tak boleh turunkan harga kerana modal kami pun tinggi," jelasnya.

Dakwanya, kenaikan harga ayam

itu dikatakan kerana kenaikan harga makanan ayam di ladang.

Peniaga ayam di Pasar Awam Bayan Baru, Muhammad Shaffi Yacob, 30an, pula berkata, pihaknya mendapat maklumat bahawa harga bahan mentah itu akan naik lagi dalam tempoh terdekat ini.

"Sekarang ini, rata-rata peniaga menjual dengan harga RM10 ke atas, mengikut kenaikan harga. Seperti sekarang, harga naik sehingga RM1.50, maka kami jual dengan harga RM10.90.

"Saya mendapat tahu, harga ini akan naik lagi dalam beberapa hari atau minggu lagi.

"Harga tersebut akan dimasukkan ke dalam caj perkhidmatan. Oleh itu, harga akan jadi lebih tinggi dari sekarang iaitu RM10.90," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Peniaga dakwa dapat ayam saiz kecil

TEMERLOH - Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Awam Mentakab, di sini pada Isnin mendapati harga runcit ayam bersih dijual pada harga RM11 sekilogram.

Beberapa peniaga ketika ditemukan memberitahu, kenaikan harga bahan mentah itu mula berlaku sejak beberapa hari lalu.

"Memang harga sebelum ini turun, ketika itu bekalan lebih di pasaran, sekarang ini harga kembali naik," kata peniaga tersebut.

Seorang lagi peniaga yang enggan dikenali turut mendakwa banyak mendapat bekalan ayam bersaiz kecil yang beratnya tidak sampai sekilogram berbanding sebelum ini.

Tinjauan di sebuah pasar raya di sini juga

mendapati ayam dijual dengan harga RM9.40 sekilogram dan RM9.90 bagi potong bersih.

Seorang pekerja mengakui kenaikan harga berlaku sejak beberapa minggu lalu berbanding RM8.80 sebelum ini.

Sementara itu, bagi seorang peniaga nasi kukus ayam berempah, Nor Akmar Ahmad Bihaudhin, 45, kenaikan harga itu mula dikesan pada Khamis lalu.

"Sebelum ini dapat ayam berharga RM8.80, kemudian RM9.80 dan terkini RM10.50 sekilogram.

"Tiada alasan diberikan berhubung kenaikan harga ayam dan peniaga kecil macam saya, terpaksa akur walaupun dihimpit dengan kenaikan kos barangan," ujarnya.



Seorang peniaga di Pasar Awam Mentakab menunjukkan ayam bersaiz kecil (kiri) yang diterima berbanding saiz yang dibekalkan sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

'Harga meningkat empat hari sebelum mengundi'



Danial memotong ayam yang dipesan pelanggan di Kok Lanas.

kan dan pelanggan tidak banyak bertanya mengenai kenaikan harga berkenaan.

Menurut peniaga ayam di Machang, Muhamad Hamizad Azmi, 24, harga jualannya kini ialah RM8.30 sekilogram berbanding tiga hari lepas iaitu RM7.20 sekilogram.

"Dua minggu lepas harga ayam lebih tinggi iaitu mencecah sehingga RM9 sekilogram," katanya.

Muhd Rohaizid Amirul Mohd Yuti, 23, yang menjual ayam di sebuah pasar di Kampung Batu Balai, Kuala Krai pula berkata, dia terpaksa menjual ayam pada harga RM8.20 sekilogram.

Dia yang mengambil

bekalan di Kota Bharu dan Tanah Merah mendakwa, dua hari sebelum mengundi harga naik mendadak dan kini mencecah pada harga berkenaan.

"Sebelum ini kami menjual ayam pada harga RM6.50 tetapi kini mencecah RM8.20," jelasnya.

Peniaga itu juga berkata, dia terpaksa menjual pada harga itu kerana ayam yang diambil dengan pemborong juga tinggi berbanding sebelum ini.

"Kami tidak pasti sebab berlaku peningkatan harga tetapi berharap selepas ini boleh turun pada harga lebih murah," ujarnya.